

12/03/1997

Dr Mahathir pencetus kemajuan Langkawi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

TAHUN ini genap 10 tahun Langkawi mendapat status bebas cukai selepas pengisytiharan mengenainya pada 1987.

Sejak itu, Langkawi yang sebelum ini hanya terkenal dengan ikan kering, membangun sedikit demi sedikit sehingga muncul sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa ternama.

Pihak yang bertanggungjawab mengubah rupa wajah Langkawi sehingga menjadi seperti sekarang ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Secara kebetulan atau terancang, pembangunan pesat Langkawi sejak 10 tahun lalu sering dikaitkan dengan legenda pulau itu yang dikatakan disumpah Mahsuri selama tujuh keturunan sebelum dia dibunuh selepas dianiayai melakukan perbuatan sumbang ketika suaminya di perantauan.

Sama ada betul atau sebaliknya, sumpahan itu berakhir selepas tujuh keturunan dan sejak 1987 Langkawi berkembang pesat sejurus Dr Mahathir mengisytiharkan status Langkawi sebagai bebas cukai.

Dr Mahathir sendiri tahun lalu dalam satu majlis berkata: " Jika cerita legenda Langkawi mengenai sumpahan Mahsuri itu benar, Langkawi kini berubah dengan penduduknya menikmati pelbagai kemudahan, malah ada yang menjadi jutawan.

"Ketika saya bertugas sebagai pegawai perubatan pada 1956 di Langkawi, penduduknya begitu susah dan daif tanpa kemudahan mencukupi seperti sekarang. Seolah-olah sumpahan Mahsuri tujuh keturunan itu benar.

"Dulu, tanah tidak bernilai berbanding sekarang yang harganya melebihi RM5 sekaki persegi."

Walaupun Dr Mahathir tidak mendakwa dirinya sebagai pencetus kepada perubahan Langkawi, tidak dinafikan bahawa beliau adalah tokoh yang bertanggungjawab melakukannya dengan bantuan pelbagai pihak lain, termasuk sektor swasta dan awam.

Agensi pelaksana yang ditubuhkan kerajaan, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) turut bertanggungjawab memastikan pulau ini terus membangun mengikut acuan yang ditetapkan kerajaan. Lada yang diketuai Pengurus Besar Datuk Abdul Halil Mutalib.

(END)